

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	9 MAY 2016

# 'Saya kehilangan seorang rakan seperjuangan'



Saya kehilangan seorang rakan seperjuangan dalam UMNO yang telah banyak menyumbang kepada kerajaan, rakyat dan parti kita UMNO,"

**NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri

Oleh **MOHD. ASRON MUSTAPHA**  
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 8 MEI**

**D**ATUK Seri Najib Tun Razak menyifatkan kematian Ahli Parlimen Kuala Kangsar, Allahyarham Datuk Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad sebagai kehilangan besar kepada kerajaan, rakyat serta UMNO secara keseluruhannya. Pada masa sama, jelas

Perdana Menteri, beliau sendiri kehilangan seorang rakan seperjuangan akibat nahas helikopter AS350 yang turut meragut nyawa Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Noriah Kasnon.

"Saya kehilangan seorang rakan seperjuangan dalam UMNO yang telah banyak menyumbang kepada kerajaan, rakyat dan parti kita UMNO," kata Najib menerusi Facebooknya hari ini.

Wan Mohammad Khair-il Anuar yang juga Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) merupakan antara enam yang terlibat dalam nahas helikopter di kawasan Sebuyau, Sarawak Khamis lalu.

Jenazah Allahyarham selamat dikebumikan di Makam Diraja Kuala Kangsar, Bukit Chandan hari ini.

Dalam pada itu, Perdana Menteri menambah, Allahyarham pernah berkhidmat sebagai Ahli

Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Chandan, Perak sebelum dipilih untuk menjadi calon Barisan Nasional (BN) bagi kerusi Kuala Kangsar.

"Saya bersama keluarga Allahyarham semalam di Hospital Umum Sarawak dan telah menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga beliau. Semoga roh Allahyarham ditempatkan dalam kalangan golongan yang beriman. Al-Fatihah," doanya.

